

**Bil. 21**

**Rabu**

**17 Oktober 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Kerja Menaikkan Taraf Jalan FT01 Cha'ah-Ayer Hitam**  
- *YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)* [Halaman 1]
- **Sejauh Mana Iltizam Masyarakat India Akan Dilaksanakan Melalui SEDIC**  
- *YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 3]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 17 Oktober 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Kerja Menaikkan Taraf Jalan FT01 Cha'ah–Ayer Hitam**

**2.34 ptg.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM95 juta bagi projek menaik taraf Jalan FT01 Cha'ah, Segamat. Projek tersebut sedang dijalankan. Namun, Jalan FT01 Cha'ah ke Ayer Hitam yang merupakan jalan utama telah dibaikan. Keadaan jalan tidak rata, bahu jalan yang tidak sempurna serta pemendapan berlaku di beberapa tempat di sepanjang jalan. Jalan tersebut yang disambungkan dengan empat tol utama termasuk Tol Yong Peng Utara, Tol Yong Peng Selatan, Tol Ayer Hitam dan Tol Machap, merupakan jalan persekutuan yang sibuk, bukan sahaja bagi pengguna jalan raya biasa, tetapi juga kepada sektor logistik. Walaupun ianya menjadi jalan utama bagi penduduk di sekitarnya, malah jalan ini telah berada dalam keadaan teruk sejak pelebaran jalan yang dijalankan dalam keadaan tidak sempurna dan tiada kerja-kerja menaik taraf dalam tempoh masa 20 tahun yang lepas.

Kemalangan jalan raya juga kerap berlaku akibat daripada keadaan jalan yang merbahaya, jambatan membelah dua juga salah satu punca utama. Bagi menjaga kepentingan pengguna jalan raya, saya meminta Kementerian Kerja Raya memohon peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) semasa kajian separuh penggal RMKe-11 yang akan datang, memandangkan keadaan jalan semakin teruk dan perlu dinaiktaraf

serta-merta bagi Jalan Cha'ah ke Ayer Hitam yang juga menyambung Jalan Cha'ah ke Segamat. Sekian terima kasih.

**2.36 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Segamat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan bancian dan isi padu trafik lalu lintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan, *Level of Service* (LOS), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, berada pada tahap LOS C di mana aliran trafik masih lagi stabil dengan kesesakan minimum pada waktu puncak yang masih boleh diterima. Di samping itu juga cadangan menaik taraf jalan ini tidak pula tersenarai di dalam keutamaan Kerajaan Negeri Johor.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kerja Raya prihatin terhadap situasi laluan tersebut dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan tersebut yang melibatkan skop penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala *pavement* dan penyenggaraan berkala bukan *pavement* adalah sebanyak RM5,947,480 bermula pada tahun 2015 sehingga September 2018.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini bersedia mempertimbangkan cadangan projek dari pihak kerajaan negeri sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf pada Rancangan Malaysia yang akan datang. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat kita boleh *pressure* lagi kepada Kerajaan Negeri Johor dan bila sahaja cadangan itu, pihak Kerajaan Negeri Johor melaksanakan, kami akan meletakkan ini sebagai *priority*.

Tuan Yang di-Pertua pun sudah tunjuk jari oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, tolong tengok-tengok sama Kerajaan Negeri Selangor untuk bantu. Yang Berhormat Segamat pun, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Santhara pun ada di sini. *So, I think we'll do lobby for that* dan saya percaya apa yang diperjuangkan oleh Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong boleh menjadi kenyataan untuk *next time*.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *Insyah-Allah.*

**Tuan Baru Bian:** *Insyah-Allah*, terima kasih.

## Sejauh Mana Iltizam Masyarakat India Akan Dilaksanakan Melalui SEDIC

### 2.37 ptg.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diketahui umum, kerajaan sebelum ini telah memperkenalkan Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) di bawah pengawasan Pejabat Perdana Menteri. Matlamat utama SEDIC adalah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi kaum India di Malaysia. Ini merupakan satu hasrat murni kerajaan yang lepas untuk masyarakat India di Malaysia.

Namun, terdapat banyak persoalan yang timbul mengenai peruntukan yang ditetapkan dan juga berkenaan pengagihan dan pengendalian projek ini. Berapakah jumlah bersih peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) sehingga kini. Berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan, berapakah jumlah peruntukan yang telah disampaikan kepada SEDIC dan seterusnya disalurkan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan program-program untuk menaik taraf tahap sosioekonomi masyarakat India?

Diminta juga penjelasan mengenai kumpulan sasaran, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan tahap kecemerlangan program ini serta maklumat mengenai sektor-sektor yang menjadi fokus dalam peruntukan tersebut.

#### ■1440

Jika pihak kerajaan bercadang untuk mengekalkan SEDIC, berapakah peruntukan yang akan diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk program SEDIC untuk tempoh masa lima tahun yang akan datang. Sila juga jelaskan mengenai sektor-sektor sosioekonomi yang akan dititikberatkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memantau, mengurus dan mengawal peruntukan ini supaya tidak disalahgunakan. Adakah kementerian telah membuat siasatan atau *post-mortem* untuk SEDIC untuk mengenal pasti semua kelemahan dan jika ada sebarang penyalahgunaan peruntukan. Jika ya, mohon untuk memberi ulasan lanjut mengenai penyalahgunaan yang dikenal pasti dan maklumat seperti jumlah, nama projek, pengendali projek dan sebagainya.

Apakah cara-cara yang bakal dikenal pasti untuk mengekalkan SEDIC lebih efisien dan wang peruntukan tidak akan disalah-guna lagi. Bagaimanakah kementerian yang bakal dipertanggungjawabkan ini akan pastikan semua program ini akan sampai kepada rakyat (khususnya warga India), serta kebanyakan Iltizam untuk masyarakat India akan dilaksanakan, serta apakah juga peranan Yang Berhormat kaum India dalam SEDIC,

mahupun implementasi aktiviti-aktiviti sosial nanti. Sekian, terima kasih.

#### **2.42 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Segamat di atas Pertanyaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang telah diperolehi dari tahun 2014 hingga 2017 ialah sebanyak RM295 juta dan dari jumlah perbelanjaan ialah sebanyak RM203,718,286.73.

Baki peruntukan yang tidak digunakan adalah sebanyak RM91,281,713.27 telah dikembalikan kepada agensi pusat iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM). SEDIC bertanggungjawab untuk menerima dan memproses permohonan pemberian geran kepada NGO untuk tujuan pembangunan kapasiti dan latihan. Tanggungjawab mengagihkan peruntukan kepada NGO-NGO dilaksanakan oleh JPM. Ini adalah kerana SEDIC tidak berstatus pusat tanggungjawab (PTJ) untuk mengendalikan hal-hal berkaitan kewangan dan perakaunan.

Pada tahun 2014, peruntukan yang diterima oleh SEDIC ialah sebanyak RM68 juta. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM10,771,606.10. Baki peruntukan sebanyak RM57,228,393.90 tidak diagihkan dan dipulangkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 2015, sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan. Wang yang dibelanjakan ialah sebanyak RM99,709,382.15 dan peruntukan yang tidak diagihkan adalah sebanyak RM290,617.85 telah dipulangkan kepada JPM.

Pada tahun 2016, RM60 juta telah diperuntukkan dan RM35,044,317.48 telah dibelanjakan. Baki RM24,955,682.52 tidak diagihkan dan telah dikembalikan kepada JPM. Pada tahun 2017 sebanyak RM67 juta telah diagihkan dan RM58,192,981 telah dibelanjakan. Baki RM8,807,019 yang tidak digunakan telah dipulangkan kepada JPM. Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan sasaran bagi program-program yang dilaksanakan melalui peruntukan SEDIC kepada NGO adalah tertumpu kepada golongan B40 (isi rumah yang mendapat pendapatan kurang daripada RM3,000). Kumpulan sasaran ini akan dicadangkan oleh NGO-NGO yang memohon untuk melaksanakan program yang ditaja oleh SEDIC.

SEDIC semasa memproses permohonan ini akan memastikan kumpulan sasaran sebelum disenarai pendek untuk kelulusan panel sebelum diangkat untuk kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (ini adalah merupakan proses kerja sebelum 9 Mei 2018; iaitu sebelum Kerajaan PH mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan semasa).

Selaras dengan Pelan Tindakan Masyarakat India SEDIC yang dikeluarkan pada tahun 2017, terdapat empat *focal point* yang memerlukan perhatian khusus, iaitu:

- (i) memenuhi keperluan asas;
- (ii) merealisasikan potensi setiap kanak-kanak;
- (iii) meningkatkan pendapatan dan kekayaan, dan
- (iv) peningkatan penyertaan sosial.

Untuk makluman Yang Berhormat, SEDIC kini dalam proses penjenamaan semula agar agensi ini dapat bertindak sebagai sebuah agensi yang bersifat *people-centric* untuk memastikan faedah mencapai golongan sasaran iaitu masyarakat India dalam kategori B40.

Dalam hal ini, kerajaan semasa bercadang untuk memberi perhatian kepada Pelan Tindakan Masyarakat India, SEDIC dan sekiranya perlu, akan dikaji semula bagi penambahbaikan serta memastikan masyarakat India dapat berkembang pesat seiring dengan masyarakat-masyarakat lain di negara ini, khususnya dari segi sosioekonomi, peluang pendidikan dan polarisasi sosial.

Kerajaan semasa berhasrat untuk memberi penekanan kepada enam teras sejajar dengan agenda pembangunan masyarakat India iaitu:

- (i) sekolah Tamil dan prasekolah;
- (ii) merealisasikan potensi kanak-kanak/remaja;
- (iii) meningkatkan penyertaan sosial dan isu berkenaan tempat ibadat;
- (iv) penambah baik kehidupan dan kekayaan, pekerjaan dan keusahawanan;
- (v) penyampaian kepada komuniti dan projek khas; dan
- (vi) suntikan ekuiti.

Di bawah RMKe-11, iaitu dari tahun 2016-2020, syiling peruntukan yang ditetapkan bagi SEDIC ialah sebanyak RM500 juta. Melalui Iltizam Pakatan Harapan (iltizam khusus kepada masyarakat India) sebanyak RM4 bilion telah dicadangkan untuk diagihkan bagi 10 tahun pertama bagi membantu membangunkan masyarakat India dengan cara yang saksama.

Sudah tentu pihak kerajaan bersedia untuk melaksanakan janji dalam Iltizam Pakatan Harapan (iltizam khusus kepada masyarakat India) tertakluk kepada keupayaan dan prestasi perbelanjaan negara. SEDIC dalam proses untuk memohon peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2019 kepada Kementerian Kewangan. Dalam hal ini, tertakluk kepada peruntukan yang diberi dalam Belanjawan 2019, SEDIC akan melaksanakan program-program bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India dengan memberi tumpuan kepada 6 teras yang dinyatakan tadi.

SEDIC bercadang untuk mengadakan siri-siri *engagement* untuk menentukan keperluan serta kekurangan masyarakat India agar dapat menjalankan program-program yang sewajarnya bagi meningkatkan status, keupayaan dan taraf hidup masyarakat India di Malaysia. Dengan izin, *engagement* ini dijangka dilaksanakan mulai akhir bulan Oktober 2018 dan akan diteruskan dari semasa ke semasa dan di setiap zon di negara ini. Enam teras tersebut akan digunakan sebagai asas kepada perbincangan ini.

■1450

Ahli Yang Berhormat, Dalam usaha mengekalkan SEDIC sebagai sebuah agensi yang efisien serta penggunaan peruntukan secara optimum, SEDIC telah mula melaksanakan proses pemantauan yang terdiri daripada pemantauan tanpa notis, pemantauan laporan berkala dan pemantauan laporan penggal dan akhir untuk memastikan pengurusan dan pengawalan peruntukan yang telah diagihkan. Proses ini akan dimantapkan lagi dengan pelaporan kepada Mesyuarat Kabinet sekiranya keadaan memerlukan agar sebarang keputusan berhubung pembangunan masyarakat India dapat dilaksanakan secara kolektif di kalangan anggota Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Audit Negara (JAN) telah mula melaksanakan pengauditan prestasi terhadap Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC). SEDIC telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara untuk kali pertama pada 26 September 2018.

Pada masa kini, status pengauditan adalah di peringkat perancangan dengan izin, *preliminary study* sebelum memulakan pengauditan terperinci terhadapnya. Tempoh masa pengauditan dijangka akan mengambil masa yang panjang memandangkan ia melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan agensi luar serta kompleksiti dari segi kepelbagaian program dengan kaedah pelaksanaan program yang berbeza. Sebarang penyalahgunaan di bawah pemerintahan kerajaan lama (sekiranya ada) akan hanya dikenal pasti selepas tamat pengauditan sepenuhnya oleh Jabatan Audit Negara. Bagi memastikan wang peruntukan yang disalurkan kepada NGO digunakan secara baik dan teratur, SEDIC bercadang untuk menguatkan (*strengthen*) proses pelantikan NGO-NGO termasuk mengadakan mekanisme bagi menilai keberkesanan NGO-NGO dalam penyampaian hasil yang dapat diukur (*measurable outcomes*).

Selain itu, SEDIC juga akan mengambil langkah-langkah pembaharuan berdasarkan cadangan Jabatan Audit Negara setelah audit sepenuhnya ke atas SEDIC selesai. Sekian sahaja jawapan saya berhubung Usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekiranya

Yang Berhormat memerlukan sebarang maklumat yang berkait rapat berhubung SEDIC, saya sentiasa mengalu-alukan pertemuan bersama Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 18 Oktober 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.53 petang]***